

**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 48/6/17**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai  
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PENJAGA KESELAMATAN – (D.1 EB.2)  
JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kermasian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**1. PENJAGA KESELAMATAN**

**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**D.1 EB.2 (\$530 - \$820 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pengawal Keselamatan Tingkat III atau dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 selama tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) atau Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dalam jawatan yang bersesuaian tidak kurang dari 5 tahun.

2. Bagi calon-calon yang baru dilantik mestilah tidak memakai kacamata / kanta lekap lebih 100 Degree.
3. Calon-calon yang terdiri daripada bekas anggota Keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin bagi tempoh 3 tahun kebelakangan dan mengemukakan 2 orang Referees yang dikenali lebih 5 tahun. (melengkapkan Seksyen Bekas Tentera / Polis dan memuatnaik dokumen yang berkenaan di *Portal PSC Recruitment*).

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENJAGA KESELAMATAN:**

1. Menjaga keselamatan harta benda Kerajaan, keseluruhan bangunan pejabat, sekolah atau maktab semasa waktu bertugas waktu siang atau malam.



2. Bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Ketua Pejabat, Pengetua atau Guru Besar atau Majikan selaku Pegawai Pengawal dan menghubungi segera Pihak Berwajib (Polis dan Bomba) bila berlaku kecurian dan kebakaran.
3. Menyalakan dan memadamkan lampu-lampu sekolah atau pejabat pada masa-masa yang ditetapkan atau jika tidak digunakan lagi.
4. Memastikan semua pintu-pintu pagar, pintu-pintu bilik pejabat dan bilik darjah ditutup dan dikunci.
5. Sentiasa membuat pemantauan dan meronda sekeliling kawasan bangunan sekolah, maktab atau pejabat setiap masa sepanjang masa bertugas.
6. Bersikap positif terhadap tugas, menjaga etika kerja dan berperwatakan bertanggungjawab sebagai seorang kakitangan Perkhidmatan Awam.
7. Mengawasi dan memeriksa orang yang masuk ke kawasan pejabat atau berurusan dengan sekolah atau pejabat dengan mencatat nama, bilangan kad pengenalan ke dalam buku pendaftaran lawatan.
8. Membantu mewujudkan kerjasama yang rapat dengan pihak polis, bomba dan agensi perkhidmatan kecemasan yang lain.
9. Mengingatkan dan menegur mana-mana pegawai, kakitangan dan pelawat supaya tidak merokok di dalam atau di luar bangunan dengan merujuk kepada perintah Tembakau 2005 dan Surat Keliling JPM bilangan 9/1994 dan 7/2004 mengenai pengisyitiharan semua Bangunan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan sebagai tempat ditegah merokok.
10. Melaksanakan kerja-kerja dan bersedia berkhidmat bila-bila masa dikehendaki seperti yang diarahkan dari pegawai-pegawai atasan selaku majikan atau Pegawai Pengawal.